

## ULASAN BUKU

**Najibah Mohd Zin et. al. (ed.)**

***Undang-undang Keluarga (Islam) (Siri Perkembangan Undang-undang di Malaysia, Jilid 14, 2007.***

**359 halaman, ISBN 978-983-62-9727-3.**

Pengulas: *Noor Aziah Mohd Awal*  
naha@ukm.my

Fakulti Undang-undang,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43650 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.



Buku ini dihasilkan oleh tujuh orang ahli akademik dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang diketuai oleh Najibah Mohd Zin. Kesemua penulis merupakan pakar dalam bidang undang-undang keluarga Islam. Secara amnya buku ini ditulis mengikut tajuk yang sesuai dan dikaitkan antara satu sama lain. Buku ini dimulakan dengan Kata Pengantar yang ditulis oleh Allahyarham Shaik Mohd Noor Alam S.M. Hussain ini diikuti dengan Prakata yang ditulis oleh Najibah.

Bab 1 bertajuk “Prosedur dan Pendaftaran Perkahwinan” ditulis oleh Noraini Mohd Hashim. Bab ini mentakrifkan perkahwinan dan menyenaraikan syarat sah pernikahan termasuk keperluan wali. Penulis menerangkan siapa wali nasab dan apakah alasan yang membenarkan seseorang wanita bernikah dengan menggunakan wali hakim atau raja. Walau bagaimana pun penulis tidak menyentuh status pernikahan yang dilangsungkan tanpa kebenaran wali, iaitu pernikahan yang boleh difaragkan atau dipisahkan dengan perintah mahkamah. Penulis menerangkan prosedur perkahwinan, seperti kursus perkahwinan, mendapat kebenaran berkahwin, sebab-sebab kenapa perkahwinan perlu didaftarkan, poligami dan kahwin lari dan perkahwinan yang tidak boleh didaftarkan.

Bab 2 pula bertajuk “Penyeragaman Undang-undang Poligami” yang ditulis oleh Roslina Che Soh@Yusuff. Bab ini dimulakan dengan menceritakan sejarah poligami dan poligami dalam Islam. Turut dijelaskan tentang cara poligami diselaraskan melalui enakmen undang-undang keluarga Islam di setiap negeri, selain pemakluman tentang syarat berpoligami, denda jika berpoligami tanpa kebenaran dan akhir sekali poligami di negara Islam yang lain. Penulis memberikan penekanan terhadap poligami yang merupakan sesuatu yang harus, dan masyarakat yang mengamalkan poligami mesti mengubah sikap dan cara berfikir.

Bab 3 bertajuk *Sulh* dan *Hakam* dalam Penyelesaian Kes Keluarga yang ditulis oleh Nora Abdul Hak. Bab ini menerangkan takrif *Sulh* dan *Hakam* dalam Islam, dan membincangkan persamaan dan perbezaan antara kedua-dua konsep ini. Bab ini juga melihat peruntukan dan aplikasinya dalam enakmen undang-undang keluarga Islam pada peringkat negeri. Selain itu, prosedur *sulh* dan cara prosedur ini dapat membantu menyelesaikan kes dengan lebih cepat dan mudah diterangkan dengan terperinci. Penulis mencadangkan sekyen 47(5) berkaitan dengan pelantikan jawatankuasa pendamai dimansuhkan kerana seksyen ini menghalang pemakaian hakam yang wajib menurut Islam jika berlaku *shiqaq* dalam rumahtangga.

Seterusnya dalam Bab 4, tajuk yang dikupas adalah tentang “Perceraian dalam Undang-undang Keluarga Islam” yang ditulis oleh Najibah Mohd Zin. Bab ini merupakan bab yang terpanjang kerana membincangkan semua jenis perceraian yang diperuntukkan dalam enakmen undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Perbincangan dimulakan dengan melihat peruntukan talaq dan membahaskan sama ada hak mentalaq isteri adalah hak mutlak suami. Penulis membincangkan dengan panjang lebar mengenai talaq yang dilafazkan di luar mahkamah dan sama ada beberapa cara perlafazan talaq itu sah atau pun tidak. Isu talaq tiga juga dibincangkan dengan panjang lebar termasuk kes yang telah diputuskan. Turut dibincangkan dalam bab ini perceraian *takliq*, tebus talaq atau *khul'*, perceraian kerana bertukar agama, *li'an* dan fasakh. Semua subtopik ini dibincangkan dengan mendalam dengan contohnya diambil daripada kes yang telah diputuskan.

Bab 5 bertajuk “Nafkah ‘Idah dan Muta’ah yang juga ditulis oleh Najibah Mohd Zin. Bab ini merungkai permasalahan mengenai nafkah dalam perkahwinan dan selepas diceraikan. Isteri dibenarkan menuntut nafkah tertunggak namun di Malaysia, Mahkamah Syariah mengambil pendekatan yang nafkah isteri gugur jika tidak dituntut. Bab ini juga membincangkan isu nuzyuz seorang isteri yang boleh menyebabkannya kehilangan hak nafkah. Seterusnya dibincangkan pula nafkah idah dan kadar nafkah yang perlu dibayar sebagai nafkah idah. Malangnya bahagian nafkah tidak membincangkan dengan mendalam tentang apa-apa yang dimaksudkan dengan idah. Perbincangan terus kepada muta’ah dan kemudiannya menerangkan maksud muta’ah dan bila boleh dipohon. Daripada penerangan penulis, muta’ah boleh dipohon oleh isteri sebagai bayaran ganti rugi atau pampasan perkahwinan walaupun isteri yang memohon cerai. Isteri berhak kepada muta’ah walaupun isteri memohon difasakhkan dan tebus talaq. Turut dibincangkan dalam bab ini kadar muta’ah yang perlu dibayar dan akhir sekali perbincangan tentang isu penguatkuasaan perintah nafkah.

Bab 6 bertajuk “Hadanah” yang ditulis oleh Normi Abdul Malek. Perbincangan ini dimulakan dengan melihat konsep hadanah dalam Islam dan peruntukan dalam enakmen undang-undang keluarga Islam yang ada.

Penulisan tertumpu pada siapa yang paling layak terhadap hadanah dan membezakan konsep ini dengan wilayah. Pendekatan paling mudah ialah dengan menerangkan semula kekeliruan masyarakat terhadap konsep hadanah, yang juga disebut sebagai penjagaan anak. Istilah yang paling sesuai ialah pemeliharaan dan wilayah adalah penjagaan atau dalam bahasa Inggerisnya *guardianship*. Kesilapan penulis terdahulu dalam menggunakan kedua-dua istilah ini telah menimbulkan kekeliruan. Wilayah atau penjagaan adalah lebih luas daripada hadanah atau pemeliharaan. Seterusnya diterangkan tentang konsep “kebajikan anak” dan garis panduan dalam memberikan seseorang hak hadanah. Konsep ini (pada pandangan pengulas) dipinjam daripada konsep di bawah Undang-undang Inggeris. Bab ini tidak membincangkan sama ada ibu atau bapa bukan Islam mempunyai hak untuk mendapatkan hak hadanah anaknya. Pada akhir bab dibincangkan hak lawatan atau hak berjumpa untuk ibu atau bapa yang tidak mendapat hadanah, serta penggunaan *sulh* dalam pertelingkahan mengenai hadanah.

Bab 7 mengenai “Masalah Tuntutan Harta Sepencarian” yang ditulis oleh Norliah Ibrahim. Dalam bab ini penulis menerangkan konsep harta sepencarian dan asas tuntutan yang diwujudkan dalam enakmen undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Penulis juga menerangkan maksud sumbangan langsung dan tidak langsung dalam memperoleh harta tersebut dan bila harta boleh dituntut. Semasa menulis buku ini penulis tidak memasukkan peruntukan baharu, iaitu harta sepencarian boleh dituntut semasa pasangan bercerai hidup, bercerai mati atau apabila suami memohon untuk berpoligami. Penulis juga merujuk Akta Undang-undang Keluarga Islam, Wilayah Persekutuan 2005 sedangkan Akta tersebut ditangguhkan pelaksanaannya kerana mendapat tentangan sesetengah pihak. Sepatutnya penulis merujuk Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003 atau Negeri Sembilan atau Melaka yang telah meluluskan dan menguatkuasakan hal tersebut.

Bab 8 pula bertajuk “Jaminan Nafkah Kanak-kanak” yang ditulis oleh Nora Abdul Hak. Bab ini juga menerangkan secara mendatar mengenai hak nafkah anak, kadar nafkah, untuk berapa lama nafkah perlu dibayar, hak anak tidak sah taraf terhadap nafkah dan akhirnya kepada cadangan penulis terhadap permasalahan pembayaran nafkah kanak-kanak ini. Pada masa buku ini ditulis, Bahagian Sokongan Keluarga belum ditubuhkan lagi oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Bab 9 bertajuk “Pengangkatan dan Pemeliharaan Anak” yang ditulis oleh Azizah Mohd. Bab ini dimulakan dengan ayat al-Quran mengenai tanggungjawab dan amanah Allah SWT tentang pemeliharaan anak. Penulis kemudiannya membincangkan anak yang terabai atau tiada orang yang memeliharanya seperti anak terdampar atau anak tak sah taraf yang dibuang ibunya. Dalam hal ini, walaupun Islam menggalakkan orang Islam memelihara anak seperti ini namun Islam tiada mekanisme untuk mengiktiraf

pengangkatan. Dalam Islam ibu bapa angkat tidak boleh menukar nama ibu bapa anak dalam surat kelahiran anak. Seterusnya penulis menerangkan konsep pengangkatan di bawah Akta Pendaftaran Anak Angkat 1952 yang terpakai kepada orang Islam dan bukan Islam. Penulis juga membincangkan beberapa peruntukan dalam Akta Kanak-kanak 2001, tetapi agak tidak sesuai dalam bab ini kerana buku ini mengenai undang-undang Islam sahaja. Akhirnya, penulis mencadangkan supaya ibu angkat menyusukan anak angkat mereka untuk melahirkan hubungan darah antara mereka.

Bab 10 merupakan bab penutup yang tidak dinyatakan siapa penulisnya. Bab ini hanya menyebut mengenai lakuna dalam undang-undang. Ketidakteraturan undang-undang keluarga Islam di Malaysia, pelaksanaan undang-undang prosedur yang tidak berkesan dan kelemahan mentafsirkan undang-undang.

Pada keseluruhannya, buku ini sebuah buku yang baik dari segi isinya untuk dijadikan rujukan kepada pelajar yang belajar undang-undang keluarga Islam. Buku ini sangat menyeluruh kerana setiap bahagian undang-undang keluarga itu ditulis dan dibincangkan. Buku ini juga padat dengan kes syariah yang baik dijadikan contoh dan mudah difahami. Oleh sebab sifatnya yang deskriptif maka buku ini tidak berasaskan kajian kuantitatif dan tidak kritikal. Penulis kurang mengkritik peruntukan atau kes yang telah diputuskan. Apapun buku ini hasil penulisan sekumpulan cerdik pandai yang sangat berharga dan bermutu tinggi.